

Tuntutan Mutaah

Seksyen 2 Akta Undang-undang
Keluarga Islam (Wilayah-wilayah
Persekutuan) 1984 juga menyatakan
bahawa mut'ah adalah bayaran
saguhati yang diberi dari segi Hukum
Syara' kepada isteri yang diceraikan.

Seksyen 56 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)

1984 menyatakan bahawa perempuan yang diceraikan *tanpa sebab yang patut* boleh menuntut mut'ah dan mahkamah boleh memerintahkan suami untuk membayar sejumlah wang yang patut & wajar mengikut hukum syarak.

Kewajiban memberi Mut'ah kepada isteri yang
dicercaikan dalam surah al-Baqarah 2:241,
Maksudnya; *Dan isteri-isteri yang telah diceraikan,
berhak mendapat mut'ah (pemberian sugu hati)
dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang
wajib atas orang yang bertaqwa.*

Di dalam surah Al Baqarah ayat 236 maksudnya: *“Tidaklah kami bersalah (dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu ceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka, walaupun demikian, hendaklah kamu memberi mut’ah (sagubati) kepada mereka (yang diceraikan) iaitu suami yang senang menurut kemampuannya dan suami yang susah pula menuntut kemampuannya sebagai pemberian sagubati menurut yang patut lagi menjadi satu kewajiban atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan”*.

Pasangan yang bercerai seharusnya
bersetuju akan suatu amaun bagi
bayaran mut'ah. Namun sekiranya gagal
mencapai satu persetujuan, Hakim akan
menentukan amaun tersebut dan
keputusan hakim haruslah dihormati.

Asas pertimbangan kadar mut'ah dilihat kepada faktor-faktor berikut:

- Kemampuan suami
- Tempoh perkahwinan
- Taraf hidup pasangan semasa perkahwinan
- Status pendidikan dan pekerjaan isteri
- Isteri tidak pernah diisytiharkan nusyuz
- Menjaga kebajikan rumahtangga dengan baik.
- Usia pihak-pihak
- Lain-lain bentuk pengorbanan